



اوینیق سینی تیکنولوچی مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(PERAK)

OKTOBER 2012

Adalah disyorkan bahawa Laporan Latihan Praktikal ini yang disediakan

Oleh

NOR SYAKILA BT NORDIN

2010223566

PENGELUARAN PERAKUAN PEMATUHAN SIAP (CCC) BAGI PROJEK
PERUMAHAN DI TANJUNG LUMPUR, KUANTAN

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Penyelia Laporan

Dr. Sr. Hayroman Ahmad

Koordinator Latihan Praktikal

En. Noor Azam Yahaya

Koordinator Falkulti

Dr. Sr. Hayroman Ahmad

JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(PERAK)

MEI 2012

PERAKUAN PELAJAR

Adalah dengan ini hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah dihasilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang dinyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 5 bulan mulai 21 Mei 2012 hingga 6 Oktober 2012 di Majlis Pembandaran Kuantan. Ianya juga sebagai salah satu syarat lulus kursus DBN307 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Nama : NOR SYAKILA BT NORDIN
No KP Uitm : 2010223566
Tarikh : 11 / 11 / 2013

BAB	3.0	KAJIAN KES	
3.1	Pengenalan		14-15
3.1.1	Ciri-Ciri CCC		16
3.1.2	Peranan Dan Tanggungjawab PBT dan PSP		17-18
3.2	Latar Belakang Projek		19
3.2.1	Gambar 1		20
3.2.2	Gambar 2		21
3.2.3	Gambar 3		22
3.2.4	Gambar 4		23
3.2.5	Gambar 5		24
3.2.6	Gambar 6		25
3.3	Carta Alir Pengeluaran CCC		26
3.4	Pengeluaran Perakuan Siap		27-28
3.4.1	Jenis Borang Pengeluaran CCC		29-30
3.4.2	Borang G Berperingkat		31-32
3.4.3	Syarat-Syarat Teknikal Dan Bukan Teknikal		33-35
3.5	Kriteria Kelulusan CCC		36
3.6	Penalty-Penalty Yang Dikenakan		37-38
BAB	4.0	KESIMPULAN DAN CADANGAN	39
		RUJUKAN	40

LAMPIRAN A	Borang Mengemukakan Pelan
LAMPIRAN B	Jenis Borang Yang Terlibat Dalam Proses CCC
LAMPIRAN C	Borang G1-G21

SENARAI JADUAL

Jadual 2.5.1	Projek Telah Disiapkan	11-13
Jadual 3.1.2	Peranan Dan Tanggungjawab PBT Dan PSP	17-18
Jadual 3.4.1	Borang-Borang Yang Digunakan Dalam Sistem Pengeluaran CCC	29-30
Jadual 3.4.2	Borang Pematuhan Berperingkat	31-32
Jadual 3.4.3	Perbandingan Peringkat Agensi Teknikal	34-35
Jadual 3.5	Kekecuaian Penguatkuasaan CFO Sebelumnya	36
Jadual 3.6	Penalty-Penalty Kepada Pihak Professional	37-38

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Pelan Lokasi MPK	5
Rajah 2.2	Logo MPK	6
Rajah 2.4	Carta Organisasi	10
Rajah 3.2.1	Pandangan Hadapan Rumah Teres	20
Rajah 3.2.2	Longkang Yang Tidak Mempunyai Penutup	21
Rajah 3.2.3	Kemudahan Pili Bomba	22
Rajah 3.2.4	Set Back Di Bahagian Belakang Rumah	23
Rajah 3.2.5	Ruang Pengudaraan	24
Rajah 3.2.6	Ruang Lot Tepi	25
Rajah 3.3	Carta Alir Pengeluaran CCC	26

SENARAI SINGKAT KATA

1. UBBL - Uniform Building By-Law
2. CCC - Certificate Of Completion and Compliance
3. CFO - Certificate Of Fitness For Occupation
4. PBN - Pihak Berkuasa Negeri
5. PBT - Pihak Berkuasa Tempatan
6. PSP - Principle Submiting Person
7. SP - Submiting Person
8. MPK - Majlis Pembandaran Kuantan
9. LJM - Lembaga Jurutera Malaysia
10. OM - Orang Yang Mengemukakan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan syukur ke hadrat ilahi kerana dengan taufiq dan hidayahnya telah memberi keizinan dan kesihatan kepada saya untuk menyiapkan Laporan Praktikal ini. Laporan Praktikal ini adalah satu tanda penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu saya semasa menjalani Latihan Praktikal, selama lima bulan bermula dari 21 mei hingga 5 oktober 2012.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Pembandaran Kuantan, terutama Dato Zulkifli kerana sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Praktikal di MPK. Tidak lupa juga kepada semua juruteknik dan pembantu takbir yang turut membantu dan memberikan tunjuk ajar, dan juga tidak lupa kepada rakan-rakan pelatih yang banyak membantu saya samada secara langsung maupun tidak langsung dari segi teknikal atau kemahiran sepanjang tempoh Latihan Praktikal ini. Tidak dilupakan kepada Jabatan Bangunan kerana menempatkan saya di Jabatan Bangunan dan banyak ilmu yang saya pelajari sepanjang berada di unit ini, terutamanya kepada En hj wan ismail bin hj wan muda selaku Ketua Unit Jabatan Bangunan , En Che Wan Zaid selaku Penolong Jurutera, En Noorazam dan En Zulkifli selaku koordinator Latihan Praktikal, En Haikal selaku pensyarah pelawat, Dr. Hayroman selaku penyelia laporan saya, serta tidak dilupakan penghargaan kepada kedua ibu bapa saya kerana selama saya menjalani Latihan Praktikal telah banyak memberi semangat, nasihat dan dorongan serta membantu saya dari segi kewangan.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu saya sepanjang tempoh lima bulan saya menjalani Latihan Praktikal ini, segala apa yang telah saya dapat dan pelajari, agar dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang yang akan ceburi.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Laporan ini secara ringkasnya menerangkan mengenai proses yang perlu di lakukan untuk mendapatkan perakuan dan pengeluaran sijil CCC. Proses yang menceritakan dari mulanya arkitek mengemukakan pelan dan melampirkan borang-borang yang perlu ada semasa proses pembinaan serta selepas proses pembinaan dijalankan. Pihak PSP haruslah mematuhi segala syarat yang ditetapkan berdasarkan Akta 133 mahupun syarat-syarat teknikal atau bukan teknikal yang berkaitan pembinaan sesebuah bangunan yang dibina. Jika pelaksanaan ini di patuhi secara berperingkat, ia akan memudahkan kerja-kerja pembinaan sehingga ke peringkat akhir iaitu pemeriksaan CCC oleh pihak PBT bagi memastikan sesebuah bangunan yang dibina mengikut syarat yang ditetapkan serta mengelakkan daripada sebarang kemungkinan di atas kecuaian pihak PSP sendiri. Semasa proses pembinaan sesebuah bangunan dijalankan, terdapat beberapa masalah yang sering berlaku diatas kecuaian daripada pihak Arkitek dengan mengeluarkan notis pemeriksaan CCC sebelum pembinaan siap sepenuhnya. Hal ini akan menyebabkan, pihak Arkitek akan dikenakan denda iaitu membawa perkara itu untuk dipertimbangkan oleh pihak mahkamah. Maka, segala pertangguhan kerja pembinaan akan dikenakan oleh pihak PBT kepada pihak PSP. Oleh itu, laporan ini dapat menjelaskan dengan lebih terperinci proses pengeluaran CCC setelah pelan yang dikemukakan oleh PSP kepada OSC diluluskan sehingga proses pemeriksaan CCC akhir dilakukan oleh pihak PBT dan kriteria yang perlu dipatuhi bagi mendapatkan sijil perakuan siap bagi sesebuah bangunan.

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Laporan ini mengenai perakuan CCC iaitu melibatkan beberapa perubahan serta pengenalan elemen-elemen baru dalam sistem persijilan bangunan. CCC perlu dikeluarkan oleh Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM). Perakuan CCC merupakan keperluan bagi memenuhi Sijil Kelayakan menduduki sesebuah bangunan yang telah siap di bina, ia penting kerana bertujuan memastikan rumah yang di bina selamat dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Sistem pengeluaran CCC yang dikeluarkan oleh para profesional sebagai mengantikan pengeluaran CFO yang dahulunya diperakukan oleh pihak Majlis sendiri. Tetapi kini pihak perunding sendiri yang akan mengeluarkan perakuan menduduki sesebuah bangunan.

Jika dulu, CFO diperkenalkan bagi memenuhi syarat pematuhan perakuan kelayakan menduduki bangunan, di mana para profesional diwajibkan memberi pengesahan terhadap isu keselamatan dan kelayakan menduduki bangunan. Sistem CCC merupakan peluasan sistem yang telah digunakan bagi rumah berasingan yang dibina secara tunggal kepada lain-lain kategori bangunan yang diperakui oleh para profesional atau dikenali oleh PSP (Principle Sumbiting Person). Manakala, jika selain daripada skim perumahan, di mana hal yang berkaitan projek kejuruteraan seperti kilang, pihak jurutera profesional perlu bertanggungjawab di dalam menguruskan hal-hal berkaitan pematuhan syarat kelayakan menduduki bangunan.

Bagi memantapkan dan memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem perakuan CCC yang diperkenalkan, beberapa undang-undang yang berkaitan turut dipinda, selain Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang kecil Bangunan Seragam 1984, undang-undang yang dimaksudkan berkaitan perlaksanaan sistem CCC ialah :-

- a) Akta Pemajuan Perumahan 1966 (Kawalan Dan Perlesenan) (Akta 118).
- b) Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
- c) Akta Pendaftaran jurutera 1967 (Akta 138)

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian bagi laporan ini adalah bertujuan mengetahui lebih mendalam tentang kaedah pelaksanaan sistem pengeluaran CCC yang dijadikan sebagai syarat wajib dipatuhi oleh pihak PSP sebelum penyerahan sesebuah bangunan kepada pemilik seterusnya memenuhi kelulusan pematuhan bagi sijil kelayakan pematuhan. Antara objektif laporan ini adalah:

- a)** Mengenalpasti proses pengeluaran CCC.
- b)** Mengenalpasti Kriteria kelulusan untuk mendapatkan CCC.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian ini berdasarkan proses atau kaedah yang perlu di lakukan sebelum dan semasa proses pembinaan sesebuah bangunan dilakukan. Pihak yang terlibat mestilah mematuhi segala syarat dan etika yang telah di tetapkan agar tidak dikenakan sebarang penalti semasa kerja-kerja pembinaan di lakukan bagi mengelakkan sebarang penagguhan kerja pembinaan. Selain itu, skop kajian ini turut menerangkan tentang kriteria kelulusan untuk mendapatkan sijil CCC. Akan tetapi fokus kajian ini lebih mendalam mengenai dokumen yang perlu disediakan oleh arkitek atau jurutera untuk mendapatkan sijil CCC bagi bangunan yang siap di bina.

1.4 Kaedah Kajian

Beberapa kaedah penyelidikan telah dilakukan bagi mendapatkan sumber yang menepati tajuk dan objektif yang dipilih bagi melengkapkan objektif laporan yang telah dinyatakan. Antara beberapa kaedah tersebut adalah:

a) Pemerhatian di tapak

Melihat sendiri proses perlaksanaan dan pemeriksaan (check-list) bagi rumah yang siap dibina. Berdasarkan pemerhatian, ia dapat memberi lebih kefahaman yang jelas semasa memeriksa keperluan yang mesti dipatuhi bagi mendapatkan sijil kelayakan CCC.

b) Temu Ramah

Temu Ramah telah dikendalikan dengan oleh En Wan Zaid dan En Putek Gel semasa beliau menerangkan proses pelaksanaan dan perakuan berperingkat CCC. Hasil daripada temu ramah, maklumat dan penerangan yang lebih tepat dapat diperolehi.

c) Media Elektronik

Bagi mendapatkan maklumat yang menyeluruh dan pantas media elektronik adalah satu medium yang digunakan bagi mendapatkan maklumat tambahan. Berdasarkan fakta-fakta yang diperolehi dari sumber internet.


d) Rujukan bahan bacaan

Memperolehi maklumat isi kajian melalui bahan bacaan seperti buku, majalah dan risalah. Dapat membantu dalam bab kajian teoritikal.

2.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.1 Pengenalan

Majlis Pembandaran Kuantan adalah satu pihak berkuasa tempatan yang menguruskan hal-hal yang berkaitan pentadbiran bandar dan meningkatkan kemajuan negeri dalam membangunkan bandar lestari. Beralamat di jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur. Majlis Pembandaran Kuantan terbahagi kepada beberapa bahagian penyelengaraan, kewangan, pentadbiran, penguatkuasaan dan pelaksanaan kawalan bangunan bagi memudahkan setiap pengurusan yang di jalankan lebih efektif pada setiap masa.



Rajah 2.1: Pelan lokasi Majlis Pembandaran Kuantan

Sumber : www.mpk.gov.my

2.2 Sejarah Penubuhan MPK

Majlis Pembandaran Kuantan telah ditubuhkan awal tahun 1850-an. Penempatan di daerah Kuantan mula dikenal pasti sejak kurun ke 19. Pada 1 Ogos 1913 sistem kerajaan telah wujud dan mula dilaksanakan dengan penubuhan (Kuantan Sanitary Board) yang bertanggungjawab terhadap kawalan kebersihan dan kesihatan pembangunan di sekitar daerah ibu Negeri. (Kuantan Sanitary Board) telah digantikan dengan Lembaga Bandaran Kuantan (Kuantan Town Board). Manakala setelah 16 tahun berada di bawah sistem kerajaan ini, Lembaga Bandaran Kuantan telah dinaiktaraf kepada Majlis Bandaran Kuantan (Kuantan Town Council) dengan kawasan pentadbiran yang bakal dibangunkan seluas 16km persegi iaitu hanya tertumpu kepada kawasan Mukim Kuala Kuantan sahaja.

Pada tanggal 1 September 1979, Majlis Bandaran Kuantan sekali lagi dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kuantan (Kuantan Municipal Council) yang berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan iaitu (Akta 171) yang dikekalkan ke hari ini. Selain itu, Majlis Perbandaran Kuantan telah memperluaskan kawasannya kepada 324 km persegi yang hampir meliputi empat mukim iaitu Kuala Kuantan, Ulu Kuantan, Baserah dan Sungai Karang. Majlis Pembandaran Kuantan di ketuai oleh Yang Di Pertua Dato Haji Zulkefli yang mempunyai kelulusan dari MSC In Urban Planning (Universiti Of Wales, Cardiff, United Kingdom).



Rajah 2.2: Logo Majlis Pembandaran Kuantan.

Sumber : www.mpk.gov.my

2.3 Profil Syarikat

Misi Majlis Pembandaran Kuantan adalah membangunkan bandar yang kondusif, merangkumi kemudahan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti tinggi. Dalam menjadikan pembangunan warga Kuantan yang cemerlang dalam aspek pengurusan bandar. Mengelakkan dan pemuliharaan persekitaran yang mampan bagi mengekalkan landskap di sekitar bandar Kuantan. Mengukuhkan sistem pentadbiran yang cekap, bersih, berintegriti dan berhemah.

Visi Majlis Pembandaran Kuantan adalah menjadikan Kuantan sebagai pertubuhan utama Wilayah Timur yang makmur menjelang 2014 selaras dengan perlaksanaan dan pengurusan yang cekap bagi menjadikan Kuantan bandar yang seiring dengan kemajuan Negara.

Fungsi Majlis Pembandaran Kuantan adalah:-

- Pentadbiran
 - ➔ Mentadbir bandar kuantan berdasarkan tanggungjawab dibawah akta.
- Pembangunan
 - ➔ Membangunkan kuantan secara terancang dan mampan.
- Perkhidmatan perbandaran
 - ➔ Memberi perkhidmatan perbandaran, menguruskan keindahan dan kebersihan bandar.
- Kemasyarakatan
 - ➔ Mewujudkan persekitaran yang selesa untuk kesejahteraan masyarakat.

2.3.1 LOGO MPK



Keterangan Mengenai Logo MPK

Huruf ‘K’ membawa maksud Bandar Kuantan dan di lingkungi oleh satu gelung yang melambangkan global. Ini menunjukkan bahawa Bandar Kuantan selaras menuju kearah Sistem yang global selaras dengan Negara yang maju pada masa kini.

Selain itu huruf ‘K’ juga membawa maksud gading gajah iaitu (identiti Negeri Pahang) dan berada rapat sesama sendiri membawa maksud keserasian dalam pengurusan dan pentadbiran MPK bersama-sama pihak swasta dan warga Kuantan.

Imej logo secara keseluruhan turut menggambarkan huruf ‘Q’ yang bermaksud MPK sebagai PBT yang menitikberat mengenai pengurusan dan perkhidmatan yang berkualiti dalam membentuk pengurusan sejajar perkembangan Negara.

2.3.2 Tafsiran Warna Logo

1. Biru Tua

Melambangkan perpaduan yang wujud di semua peringkat masyarakat.

2. Biru Muda

Melambangkan Kuantan sebagai bandar pelancongan dengan kepelbagaiannya produk pelancongan yang ada dari segi sumber alam semulajadi, adat resam warisan budaya dan program pelancongan yang dilaksanakan.

3. Hijau

Melambangkan ‘Bandar Dalam Taman’ dengan usaha – usaha mencantikkan bandar dari segi landskap yang beraneka jenis warna.


4. Merah

Melambangkan aspek keberanian dan tegas dalam prinsip-prinsip menjalankan tugas yang semakin mencabar.

5. Kuning

Melambangkan ‘Kedaulatan Raja’ yang memerintah Negeri Pahang yang mana Kuantan adalah ibu Negeri. Kedaulatan raja adalah ‘Payung Diraja’ yang membolehkan rakyat hidup sejahtera.

2.4 CARTA ORGANISASI



Rajah 2.4: Carta Organisasi MPK

Sumber : www.mpk.gov.my

5 SENARAI PROJEK

.5.1 Projek Telah Disiapkan

Jadual 2.5.1: Pengeluaran CCC bagi projek pada bulan Jun, Julai, Ogos 2012

BIL	NO.SIJIL	NO.FAIL	PERUNDING/PEMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
1	1451	MPK/R/B: PB/13/2009-C	AEON ARKITEK/TMDL PROPERTY SDN BHD	SEBAHAGIAN LOT 5455 (LOT LAMA PT 50749) BANDAR INDERA MAHKOTA KTN	7.6.2012	RUMAH TUMPANGAN HOTEL BAJET -4 TKT -1 UNIT
2	0307	MPK/R/B: PB/155/2009- JLD.2	MASRI ONN CHARTERED ARCHITECT/MACIND A SDN BHD	SEBAHAGIAN LOT 1480 JLN SG LEMBING KTN	27.6.2012	RUMAH TERES - 29 UNIT - 1TKT
3	0865	MPK/R/B: PB/222/2007- H	NESA ARHTECT/HOSHAN SDN BHD	LOT 7307-7314 LRG SG KRG DRT 101 JLN KTN- KEMAMAN MUKIM SG KRG	27.6.2012	KEDAI PEJABAT - 8UNIT - 2TKT
4	0931	MPK/R/B: PB/01/2009-I	SAM ARKITEK/SENTORIA	BLOK D PT 91739 DM 13 & 14 JLN KTN PEKAN MKM K.KTN & MKM PENOR	28.6.12	RUMAH TERES - 1TKT - 180 UNIT PENCAWA NG TNB - 1UNIT

BIL	NO.SIJIL	NO.FAIL	PERUNDING/PEMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
1	0867	MPK/R/B: PB/29/2009-C JLD.2	NESA ARKITEK/GRAND QUANTUM SDN BHD	LOT 500 SEK.33 (PECAHAN LOT 1-4) LRG SEKILAU 62 OFF JLN HJ AHMAD MKM K.KTN	2.7.2012	RUMAH TERES - 2TKT - 4UNIT
2	0872	MPK/R/B: PB/109/2009-I	NESA ARKITEK/CHUA & HO BUILDERS SDN BHD	PECAHAN LOT 1-7 LOT 52547 PT 48345 HS (M) 40470 JLN SERI INDERAPURA TMN SERI INDERAPURA MKN K.KTN	17..2012	KEDAI PEJABAT - 2UNIT - 3TKT KEDAI PEJABAT - 5UNIT - 2TKT
3	1143	MPK/R/B:PB/ 125/2010-H	HUSSEIN & LOH, ARCHITECT SDN BHD/LAW DEVELOPMENT SDN BHD	LOT 10456 GM 3515 JLN KTN,KEMAM AN MUKIN SG.KRG	18.7.2012	RUMAH TERES - 1TKT - 26UNIT
4	1144	MPK/R/B: PB/12/2009-H	HUSSEIN & LOH ARHTECTS SDN BHD	LOT 1532 KM 32 JLN KTN,KEMAM AN MUKIM SG KRG	26.7.2012	RUMAH BANGLO - 1TKT - 12UNIT
5	0871	MPK/R/B: PB/187/2008-B	NESA ARKITEK/MING HOOI DEV.SDN.BHD	LOT PT 81235,HS (M) 60469 (PECAHAN LOT 1-26) MUKIMK.KTN	27.7.2012	RUMAH TERES

6	0612	MPK/R/B: PB/18/2010-C	CHONG VOON WEE ARCHITECT/LIEW SING DEV.SDN.BHD	LOT PT 33246 (HSM 30235) JALAN DARAT MUKIM KUANTAN	25.7.2012	RUMAH BERKEMBAR - 2TKT - 14UNIT
7	0526	MPK/R/B: PB /65/2009-A	ZULKIFLI JAFFAR ARCHITECT/FARM RESORT (GAMBANG) SDN BHD	LOT NO 49658 GAMBANG MUKIM KUALA KUANTAN	16.7.2012	KOTEJ - 1TKT - 4UNIT
8	1508	MPK/R/B: PB/182/200-C	ZULKIFLI JAFFAR ARCHITECT/FARM RESORT (GAMBANG) SDN BHD	LOT NO 49658 GAMBANG MUKIM KUALA KUANTAN	16.7.2012	VILA - 1TKT - 4UNIT

Sumber: *Diubahsuai daripada projek MPK.*

3.0 KAJIAN KES

3.1 Pengenalan

Bermula dari 17 Jun 2007 pihak Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan sistem CCC yang dikeluarkan oleh Para Profesional sebagai menggantikan Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki (Certificate Of Fitness For Occupation – CFO) yang dikeluarkan sebelum ini oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pengenalan sistem perakuan yang baru ini dibuat setelah mengambilkira kelebihan dan kebaikan berdasarkan kajian penambahbaikan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan pihak-pihak yang terlibat dalam industri pembinaan. Para Professional yang dilantik iaitu Arkitek, Jurutera dan Pelukis Pelan layak mengeluarkan (Certificate Of Completion And Compliance – CCC). Pengenalan CCC akan menyumbang kepada pengurangan kos menjalankan perniagaan di Negara ini di samping memudahkan para pelaburan berurus dengan pihak kerajaan. Konsep ini juga bukanlah satu konsep yang baru, ia hanyalah merupakan peluasan sistem yang telah digunakan bagi rumah berasingan yang dibina secara tunggal kepada lain-lain kategori bangunan.

Di bawah sistem perakuan CCC, terdapat 21 komponen pembinaan yang penting dikenalpasti dalam proses perakuan berperingkat. 21 komponen ini turut melibatkan pelbagai pihak yang turut bertanggungjawab memastikan sesebuah pembinaan dilakukan dengan mengikut syarat yang telah ditetapkan selain mengemukakan Borang yang terlibat dalam mematuhi perakuan CCC ini. Selaras dengan pelaksanaan proses perakuan berperingkat ini, PSP hendaklah memaklumkan tahap penyiapan peringkat substruktur pembinaan kepada PBT. Di dalam 21 proses perakuan berperingkat juga melibatkan 21 jenis Borang perakuan berperingkat iaitu Borang (G1-G21) yang telah diperkenalkan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan (Pahang) (Pindaan) 2007. Bagi sesebuah pembinaan bangunan dijalankan tidak semestinya melibatkan 21borang yang perlu di lengkapkan oleh pihak arkitek, ia bergantung kepada jenis pembinaan yang di lakukan.

Berdasarkan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133), 70 (20) (a) sebelum perakuan siap pematuhan di keluarkan, pihak yang berwajib iaitu arkitek mahupun jurutera yang terlibat perlu mengawasi bangunan untuk memastikan bahawa sesebuah bangunan yang dibina haruslah menepati pelan yang telah diluluskan dan kehendak peruntukan berkaitan dengan Akta yang terlibat. Selain itu, dibawah Seksyen 70 (20) (b) telah menjelaskan pihak yang terlibat perlu memastikan sesebuah bangunan yang telah siap dibina dan disiapkan dengan mengikut pelan yang telah diluluskan samada pelan asal sesebuah bangunan mahupun pelan yang telah dipinda yang dipersetujui oleh pihak Pegawai Penguasa Tempatan. Manakala Seksyen 70 (20) (c) pihak arkitek dan jurutera haruslah memastikan bahawa bangunan yang telah siap dibina selamat dan layak diduduki dari sebarang bahaya yang akan memberi kesan yang buruk kepada pemilik bangunan tersebut.

3.1.1 Ciri – Ciri CCC

1. Peluasan sistem CCC yang sediada bagi bangunan jenis banglo berasingan kepada bangunan-bangunan yang lain kategorinya termasuk kilang.
2. Orang utama yang mengemukakan (PSP) samada arkitek professional atau jurutera professional atau pelukis pelan yang berdaftar dibenar untuk mengeluarkan kelulusan CCC setelah sesebuah bangunan telah siap dibina dengan mematuhi semua syarat yang ditetapkan.
3. Peningkatan aspek tanggungjawab dan akauntabiliti melalui proses perakuan berperingkat.
4. Semua pihak yang bertanggungjawab ke atas komponen pembinaan yang berkaitan dengannya.
5. PBT tetap memiliki kuasa meluluskan kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan samada pelan asal mahupun pelan yang telah dipinda bagi sebahagian ruang dalam bangunan.
6. PBT adalah berkuasa untuk membuat pemeriksaan tapak bila-bila masa atas inisiatif sendiri atau aduan yang berkaitan bangunan yang dibina .
7. PBT boleh mengeluarkan notis kepada PSP untuk membetulkan ketidakpatuhan (non-compliance) jika sesebuah bangunan yang dibina tidak mematuhi syarat dan tidak mengikut pelan yang sedia ada.
8. PBT dibenarkan melaksanakan kerja-kerja pembetulan yang diperlukan jika PSP gagal melaksanakannya dan PBT ada kuasa mendakwa PSP.

Sumber : <http://arkab.wordpress.com>

Jadual 3.1.2: Peranan dan tanggungjawab PBT dan PSP di bawah sistem pengeluaran CCC

PBT	PSP
1. Meluluskan Kebenaran Merancang.	1- Mengemukakan Pelan Bangunan kepada PBT untuk kelulusan melalui Borang A.
2. Meluluskan Pelan Bangunan	2- Menyelaras penyediaan dan mengemukakan pelan-pelan, selain Pelan Bangunan oleh SP.
3. Membuat pemeriksaan di tapak atas inisiatif sendiri atau atas aduan.	3- Memaklumkan kepada PBT melalui Borang B untuk memulakan operasi pembinaan di tapak.
4. Mengeluarkan notis kepada PSP untuk mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang didapati tidak mematuhi peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.	4- Mengawasi kerja-kerja binaan di tapak dan memastikan peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat teknikal dipatuhi.
5. Mengeluarkan arahan kepada PSP untuk tidak mengeluarkan CCC. <ul style="list-style-type: none"> - Sehingga perkara ketidakpatuhan diperbetulkan; - Jika berlaku penipuan dalam pembinaan dokumentasi atau pengurusan projek; - Jika terdapat maklumat yang tidak tepat dalam dokumentasi. 	5- Melaporkan dan menerangkan sebab berlakunya kemungkiran dan nyatakan tindakan pemulihan yang telah diambil sekiranya berlaku kemungkiran semasa pembinaan.
6. Mengeluarkan notis kepada PSP jika berlaku kemungkinan tetapi tidak dilaporkan kepada PBT.	6- Mengemukakan notis menyambung semula kerja melalui Borang B kepada PBT.
7. Mendakwa para profesional dan melaporkan kepada Lembaga Profesional atas salah laku.	7- Memastikan hanya Borang G yang berkaitan dilengkapkan dan seterusnya mengemukakan sesalinan semua Borang G (termasuk yang tidak berkenaan) kepada PBT dan Lembaga Profesional.

<p>8. Mendakwa pihak-pihak yang memberi perakuan yang salah dalam borong-borang yang dinyatakan dalam UKBS 2007 dan melaporkan kepada badan-badan kawal selia yang berkaitan.</p>	<p>8- Mengemukakan CCC kepada pemilik atau pemaju dan sesalinan kepada PBT dan Lembaga Profesional yang berkaitan.</p>
<p>9. Memastikan bangunan lebih 5 tingkat dan berusia dari tarikh CCC dikeluarkan, diperiksa tahap keselamatannya setiap 10 tahun.</p>	<p>9- Memastikan perkara-perkara ketidak patuhi semasa seperti dalam notis PBT kepada PSP dipatuhi sebelum CCC dikeluarkan.</p>
<p>10. Mengeluarkan CFO bagi pemajuan yang pelan bangunan dikemukakan dilulus atau bangunan yang siap sebelum kuatkuasa CCC.</p>	

Sumber : *Buku Panduan Mematuhi Perakuan Siap*

3.2 Latar Belakang Projek

Berdasarkan pelaksanaan projek ini yang membina 30 unit rumah teres 1 tingkat di perumahan taman bayou, di atas lot 1546 GM 9162 Tanjung Lumpur, Mukim Kuala Kuantan, Pahang Darul Makmur di bawah seliaan arkitek Masri Onn chartered Sdn Bhd. Projek ini mula dijalankan pada awal tahun 2010. Berdasarkan dari tarikh memulakan projek hingga tarikh lawatan CCC yang diadakan pada 21 september baru-baru ini, projek perumahan ini mengambil masa selama 2 tahun untuk menyiapkan keseluruhan kawasan yang telah ditetapkan. Semasa lawatan CCC yang telah dilakukan oleh pihak PBT, projek ini telah mendapat kelulusan tetapi pihak arkitek harus memperbaiki beberapa perkara yang perlu dilakukan sebelum pengeluaran sijil dilakukan, seperti memasang penutup longkang dibahagian hadapan rumah bagi tujuan penyelenggaraan, memasang ram kaca dibahagian bilik utama rumah, memasang paip pengudaraan dibahagian luar tandas bagi mengeluarkan udara yang tidak digunakan dan juga memastikan peralatan sanitari yang sepatutnya dilakukan bagi pengaliran sisa yang tidak diperlukan. (sila rujuk gambar 3.2.1, 3.2.2, 3.2.3, 3.2.4, 3.2.5, dan 3.2.6)

3.2.1 Gambar dibawah menunjukkan pandangan hadapan rumah teres yang telah siap semasa proses lawatan CCC dijalankan.



Gambar 3.2.1: Pandangan hadapan rumah teres yang telah siap dibina, Tanjung Lumpur.

3.2.2 Kedudukan hadapan rumah yang menunjukkan kelengkapan penutup longkap tidak disediakan semasa proses pemeriksaan CCC.



Gamabar 3.2.2: Longkang yang tidak mempunyai penutup, Tanjung Lumpur.

- 3.2.3 Kemudahan keselamatan dengan adanya pili bomba dihadapan bahagian rumah teres yang perlu disediakan oleh pihak PSP.



Gambar 3.2.3: Kemudahan pili bomba di bahagian hadapan rumah.

3.2.4 Gambar menunjukkan ruang belakang bahagian rumah yang perlu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan iaitu (*set back*) sejauh 3meter dari jalan.



Gambar 3.3.4: (*Set back*) di bahagian belakang rumah.

3.2.5 Ruang pengudaraan bagi setiap jenis bangunan perlu diletakkan di mana-mana bahagian dalam sesebuah bangunan.




Gambar 3.3.5 : Bahagian belakang rumah menunjukkan ruang pengudaraan.

3.2.6 Lot tepi rumah teres yang mempunyai jarak yang telah ditetapkan bagi sesebuah bangunaan.



Gambar 3.2.6 : Ruang di lot tepi.

3.3 Carta Alir Proses Pengeluaran CCC



Sumber: Diubah suai dari MPK.

3.4 Pengeluaran Perakuan Siap

Proses CCC dilakukan bermula pihak PSP mengemukakan pelan bagi sesuatu pembinaan yang bakal di lakukan kerja pembinaanya bermula dari kerja-kerja tanah sehingga lawatan akhir CCC (Sila rujuk lampiran A). Pada permulaan kerja pembinaan, pihak PSP mestilah mengemukakan Borang B setelah Pelan Bangunan diluluskan dan kerja akan dimulakan selepas 4hari dari tarikh penyerahan Borang B kepada pihak PBT. Manakala proses penyerahan notis berperingkat oleh PSP kepada bahagian OSC adalah untuk memaklumkan kemajuan kerja-kerja di tapak yang telah di lakukan oleh pihak kontraktor, notis ini juga hanya diberikan sekali sahaja daripada pihak PSP semasa kerja pembinaan sesebuah bangunan. Semasa peringkat ini, pihak PBT dibenarkan melawati tapak pembinaan pada bila-bila masa mahupun pada mana-mana peringkat pembinaan.

Selain itu, proses penghantaran salinan notis penyiapan berperingkat PSP kepada pihak PBT oleh kaunter OSC dan PSP perlu mengemukakan notis penyiapan peringkat 1 kepada kaunter OSC semasa proses ini dijalankan juga kawalselia kerja-kerja diperingkat 2 dan 3. Memastikan Borang-Borang perakuan berperingkat telah disahkan secara teratur untuk setiap peringkat pembinaan. Kemudian lawatan tapak akan dilakukan oleh pihak PBT untuk membuat pemeriksaan tapak atas inisiatif sendiri selepas pihak PBT menerima salinan notis yang dikemukakan dan pihak PSP juga perlu mendapatkan surat pelepasan dari agensi teknikal berkenaan dengan proses pembinaan dan perlu melampirkan Borang G yang berkaitan dengan projek yang sedang dijalankan (Sila rujuk di lampiran C).

Manakala, sekiranya pihak PBT atau agensi teknikal yang terlibat mendapati ketidakpatuhan PSP seperti membina bangunan dengan pelan yang sudah dipinda tanpa memaklumkan kepada pihak PBT, OSC akan mengemukakan laporan ketidakpatuhan agar PSP perlu mengemukakan notis tentang penyiapan pembetulan yang dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya PBT tidak melakukan proses lawat tapak ianya bermaksud sesuatu pembinaan yang dijalankan telah memuaskan pihak PBT. Kerja-kerja tapak diteruskan dan jika mendapati arahan berhenti dikeluarkan oleh pihak PBT sekiranya berlaku ketidakpatuhan semasa proses pembinaan dijalankan.

Semasa proses pengeluaran CCC bagi sebuah projek perumahan iaanya dipertangungjawabkan oleh pihak PSP sendiri apabila semua syarat teknikal, pelan yang dipinda dan perkara dalam Borang G telah siap serta dipatuhi, pihak PBT akan mengesahkan dengan sempurna dan teratur mengikut peringkat pengeluaran dan proses ccc dengan betul. Selepas kesemua borang G telah diperakui salinan CCC dan Borang G akan dikemukakan kepada Lembaga Profesional yang berkaitan PSP, manakala salinan CCC asal dikemukakan kepada pihak pemaju dan salinan CCC dan borang-borang G yang diakui perlu dikemukakan kepada pihak PBT.

Selain daripada pengenalan Borang perakuan berperingkat iaitu borang G, pelaksanaan sistem CCC juga melibatkan beberapa Borang yang lain yang turut digunakan mengikut UKBS 2007. Borang ini digunakan sebelum dan semasa proses pembinaan dilakukan bagi menyelaraskan semua peringkat pembinaan (Sila rujuk lampiran B). Borang-borang berkenaan adalah seperti dalam jadual dibawah:-

Jadual 3.4.1: Borang-borang yang digunakan dalam sistem pengeluaran CCC.

BIL	JENIS BORANG	STATUS KEGUNAAN BORANG	RUJUKAN
1	Borang A Perakuan Pelan-pelan Bangunan / Struktur.	Borang A sediada dikekalkan bagi pengemukakan/kelulusan pelan-pelan serta mengandungi perakuan-perakuan PSP dan SP.	UUK 3(1)(c) & 16(2) UKBS 1984
2	Borang B Notis memulakan / penyambungan semula kerja bangunan.	Borang B dikekalkan untuk kegunaan seperti sedia ada.	UUK 22(1) & (2) UKBS 1984
3	Borang C Notis siap pemancangan tanda.	Telah dimansuhkan dan dimasukan sebagai Borang G 2.	Jadual kedua UKBS 2007
4	Borang D Notis siap tapak.	Telah dimansuhkan dan dimasukan sebagai Borang G 3.	Jadual kedua UKBS 2007
5	Borang G1 hingga G21 Perakuan berperingkat	Diperkenalkan dalam proses perakuan berperingkat bagi 21 komponen pembinaan.	UUK 2 atau 27 UKBS 2007
6	Borang E Permohonan bagi pengeluaran sijil kelayakan bagi pendudukan	Telah dimansuhkan dan dalam tempoh peralihan di mana PBT keluarkan CFO , borang E dalam UKBS 1984 masih terpakai. Dalam tempoh peralihan Borang F dalam UKBS 1984 masih terpakai untuk pengeluaran CCC bagi banglo.	UKBS 1984

7	Borang F Perakuan siap dan pematuhan (sijil ccc)	Menggantikan borang E dan merupakansijil ccc dikeluarkan oleh PSP beserta perakuan bahawa pihak yang terlibat telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan tersebut.	UUK 25 UKBS 2007
8	Borang F1 Perakuan siap pematuhan sebahagian daripada bangunan yang telah siap (sijil ccc sebahagian)	Dikeluarkan oleh PSP bagi mana-mana bahagian bangunan yang telah siap sebahagiannya.	UUK 27 UKBS 2007

Sumber: *Buku Panduan Perakuan Siap.*

Pihak Arkitek Profesional dan Jurteria Profesional perlu memaklumkan tahap penyiapan peringkat substruktur pembinaan kepada pihak PBT:-

Jadual 3.4.2: Jenis Borang Pematuhan Berperingkat Dalam Proses Perakuan CCC

JENIS BORANG	KOMPONEN	KONTRAKTOR	KONTRAKTOR TRED	PROFESIONAL
G1	Kerja-kerja Tanah	✓		Submiting Person (SP)
G2	Pemancangan Tanda	✓	(Juruukur Tanah Berlesen)	Principle Submiting Person (PSP)
G3	Tapak	✓		(SP)
G4	Struktur	✓		(SP)
G5	Perpaipan Air Dalaman			(SP)
G6	Perpaipan Sanitari Dalaman			(SP)
G7	Elektrik Dalaman			(SP)
G8	Menentang Kebakaran (pasif)	✓		(PSP)
G9	Menentang Kebakaran (aktif)		✓	(SP)
G10	Pengudaraan Mekanikal		✓	(SP)
G11	Pemasangan Lif/Escalator		✓	(SP)

G12	Bangunan	✓		(PSP)
G13	Sistem Bekalan Air Luaran		✓	(SP)
G14	Retikulasi Pembentungan		✓	(SP)
G15	Loji Rawatan Pembentungan		✓	(SP)
G16	Sistem Bekalan Elektrik Luaran			(SP)
G17	Jalan dan Parit			(SP)
G18	Lampu jalan			(SP)
G19	Parit Luaran Utaman	✓	✓	(SP)
G20	Telekomunikasi	✓	✓	(SP)
G21	Pandangan Darat	✓	✓	(Arkitek/arkitek Landskap)

Sumber: *Buku Panduan Pematuhan Perakuan Siap.*

3.4.3 Kedudukan Syarat-Syarat Teknikal Dan Bukan Teknikal

Kaedah pengeluaran CCC oleh Para Profesional iaitu Orang Yang Mengemukakan iaitu PSP hanya bertanggungjawab memastikan pematuhan kepada syarat-syarat teknikal yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Perkara ini telah diambil kira kerana syarat-syarat teknikal mempunyai kaitan secara langsung dengan keselamatan dan kestabilan sesuatu pembinaan yang dijalankan. Malah, pihak pemaju harus bertanggungjawab sepenuhnya ke atas syarat-syarat bukan teknikal tersebut. Hal ini kerana perkara-perkara bukan teknikal perlu diselesaikan di antara pihak pemaju dan PBT tanpa dikaitkan kepada pihak PSP. Sesebuah pemajuan pembinaan biasanya dikemukakan kepada PBT sebagai satu konsep pembangunan yang mengambilkira keperluan perancangan dan bangunan serta pembinaan pemajuan tersebut. (Sila rujuk jadual 3.4.3).

Jadual 3.4.3: Jadual Perbandingan Peringkat Penglibatan Agensi Teknikal

SIL	AGENSI TEKNIKAL	HAL-HAL TANAH (124A DAN 204DKTN)	KEBENARAN MERANCANG (KM)	PELAN BANGUNAN (PB)	PELAN KEJURUTERAAN			PELAN SUBSIDIARI KM		
					KERJA TANAH	JALAN DAN PARIT	LAMPU JALAN	LANSKAP	NAMA TAMAN	NAMA JALAN
1	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	✓	✓		✓					
2	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia			✓						
3	Jabatan Alam Sekitar		✓							
4	Tenaga Nasional Berhad	✓	✓							
5	Suruhjaya Komunikasi dan Multimedia		✓	✓	✓	✓	✓			
6	Jabatan Pengairan dan Saliran		✓				✓			
7	Pentadbiran Tanah negara	✓	✓							
8	Indah Water Konsortium		✓	✓						
9	Jabatan Kerja Raya (124 A)	✓	✓		✓	✓				
10	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa		✓						✓	✓

1	Pihak Berkuasa Air Negeri		✓	✓						
2	Jabatan Perancangan PBT	✓	✓		✓	✓			✓	✓
3	Jabatan Bangunan PBT			✓						
4	Jabatan Kejuruteraan PBT		✓	✓	✓		✓			
5	Jabatan Lanskap							✓		

Sumber: *Buku Panduan Pematuhan Perakuan Siap.*

3.5 kriteria kelulusan untuk mendapatkan kelulusan CCC

Berdasarkan seksyen 70 (27) yang menyatakan setiap mengeluaran CCC perlu dikemukakan suatu perakuan siap. Jika mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan tanpa Borang yang berkaitan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam mana-mana undang-undang kecil yang telah diperuntukan berdasarkan di bawah Akta 133. Manakala pihak PSP perlu mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan yang melanggar arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menahan pengeluaran sedemikian sementara untuk menunggu pembetulan apa-apa ketidakpatuhan semasa proses CCC dijalankan. Kelulusan menduduki atau membenarkan untuk duduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagian bangunan tanpa perakuan siap dan pematuhan boleh disabitkan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Jadual 3.5: Kekecualian Semasa Proses CCC Dan Pertindihan Penguatkuasaan CFO Sebelumnya

BIL	KEKECUALIAN
1	Pelan bangunan telah dikemuka dan diterima PBT sebelum dikuatkuasa sistem CCC tetapi masih belum mendapat kelulusan.
2	Pelan bangunan telah lulus sebelum kuat kuasa sistem CCC.
3	Arahan bertulis telah dikeluarkan untuk pelan dan penentuan dipinda dan dikemuka semula bagi pelan yang dikemuka sebelum sistem CCC.
4	Pelan dan penentuan yang dipinda belum lulus bagi pelan yang dikemuka sebelum kuat kuasa sistem CCC.
5	Kerja pembinaan belum mula dan masih dalam tempoh 12bulan dan tarikh pelan dan penentuan yang diluluskan bagi pelan yang dikemukakan sebelum tarikh kuat kuasa sistem CCC.
6	Kerja mendirikan bangunan pada peringkat awalan telah bermula sebelum kuat kuasa sistem CCC.
7	Kerja bangunan telah digantung dan dimula semula selepas tarikh kuat kuasa sistem CCC.
8	Bangunan telah didirikan tanpa pelan dan penentuan yang diluluskan sebelum tarikh kuat kuasa sistem ccc.

Sumber: *Buku Panduan Pematuhan Perakuan Siap.*

3.6 Penalty-Penalty Yang Dikenakan

Berdasarkan perlaksanaan sistem perakuan CCC, beberapa pindaan yang telah dibuat kepada Akta 133 berkaitan dengan penalty-penalty yang dikenakan kepada pihak PSP diatas kesalahan melanggar peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan. Jadual dibawah menunjukkan pindaan penalty-penalty yang dikenakan mengikut jenis kesalahan di bawah sistem pengeluaran CCC.

Jadual 3.6: Penalty-Penalty Yang Dikenakan Kepada Pihak Profesional

BIL	PINDAAN PENALTI	JENIS KESALAHAN YANG DISABITKAN
1	Menaikan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit kepada tidak lebih dua puluh lima ribu ringgit (subseksyen 70 (11))	Melakukan perubahan kepada bangunan yang lain daripada yang diperuntukan dalam Akta atau undang-undang kecil tanpa mendapat kebenaran dan perakuan daripada PBT.
2	Menaikkan denda tidak melebihi daripada satu ribu ringgit kepada dua puluh lima ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan (subseksyen 70 (12))	Membina bangunan atau mana-mana bahagian bagi maksud yang lain daripada pembinaan yang telah diluluskan tetapi tidak memmaklumkan kepada PBT.
3	Menaikkan denda tidak melebihi daripada sepuluh ribu ringgit kepada tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya,denda tambahan sebanyak dua ratus lima puluh ringgit dinaikkan kepada satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan (subseksyen 70 (13))	Bagi kesalahan:- a)Memulakan atau memulakan semula pendirian sesuatu bangunan dengan melanggar seksyen kecil b) Memulakan pendirian sesuatu bangunan dengan melanggar seksyen c) Melencong daripada mana-mana plan atau penentuan yang diluluskan oleh PBT tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu.
4	Denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.(subseksyen 70(27))	a)Bukan PSP tetapi mengeluarkan suatu perakuan siap pematuhan. b)Mengeluarkan CCC tanpa borang G berkaitan:-

4	<p>Denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.(subseksyen 70(27))</p>	<p>a)Bukan PSP tetapi mengeluarkan suatu perakuan siap pematuhan.</p> <p>b)Mengeluarkan CCC tanpa borang G berkaitan:-</p> <p>c) Mengeluarkan CCC yang melanggar arahan PBT yang menahan pengeluaran sedemikian sementara menunggu pembetulan apa-apa ketidakpatuhan semasa proses pembinaan dijalankan.</p> <p>d) Pihak PSP telah membuat perisytiharan perakuan,permohonan atau representasi palsu atau fraud apa-apa borang yang ditetapkan.</p> <p>e) Meminda borang yang ditetapkan dengan mengetahui bahawa perisytiharan,perakuan,permohonan telah dipalsukan dan dipinda.</p>
---	--	---

Sumber: *Buku Panduan Pematuhan Perakuan Siap.*

BAB 4 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sistem pengeluaran CCC oleh Para Profesional yang dilantik adalah satu usaha yang sangat berkesan bagi proses persijilan keselamatan dan keselesaan untuk semua jenis bangunan yang akan diduduki. Ia merupakan satu langkah wajar bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan industri pembinaan pada masa kini selain dapat menarik lebih banyak pelaburan asing ke Negara ini, bagi memajukan lagi industri pembinaan merangkumi seluruh pelusuk dunia. Walaubagaimanapun kuasa penyerahan bangunan masih diluluskan kepada pihak majlis sendiri.

